

SYARAT-SYARAT SEWAAN

DEWAN

A. GELANGGANG SUKAN (PERMAINAN)

1. BAYARAN SEWA

- 1.1 Tempahan perlu dibuat dengan mengisi borang permohonan sewa di Jabatan Penilaian pada waktu pejabat.
- 1.2. Perlu menjelaskan bayaran 7 hari awal dari tarikh penggunaan pertama setiap bulan.

2. PENANGGUHAN PERMAINAN

2.1 Pihak MPHS

Penangguhan tarikh/masa penggunaan hanya akan diganti sekiranya berlaku bencana alam, kerosakan bekalan elektrik ataupun kerja-kerja baikpulih yang dilakukan oleh MPHS. Tarikh/masa penggunaan yang baru akan ditentukan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak dan tertakhluk kepada kekosongan dewan.

2.2 Pihak Penyewa

Sebarang penangguhan/pembatalan tarikh/masa tidak akan dilayan **kecuali** dengan alasan yang kukuh.

3. PEMBATALAN TEMPAHAN

3.1 Tempahan gelanggang akan terbatal secara automatik sekiranya pihak penyewa tidak menjelaskan bayaran sewaan gelanggang dalam tempoh yang ditetapkan.

3.2 Pihak MPHS **BERHAK** membatalkan tempahan sekiranya;

- i) Pihak penyewa tidak mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak MDHS.
- ii) Terdapat penganjuran acara yang lebih utama anjuran MPHS/pihak kerajaan.

3.3. Pihak MPHS, akan memaklumkan sekiranya terdapat pertindihan tarikh seperti 3.2(ii) lebih awal/serta-merta. Tarikh/masa penggunaan yang baru akan diberikan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak dan tertakhluk kepada kekosongan dewan.

4. PERATURAN – PERATURAN AM KEMUDAHAN SUKAN

4.1 Pengguna hendaklah menjelaskan segala bayaran kepada pihak pengurusan terlebih dahulu sebelum menggunakan kemudahan dewan MPHS.

4.2 Pengguna dikehendaki mengemukakan resit bayaran sebelum menggunakan kemudahan dewan kepada pengawal keselamatan/penyelia dewan sebagai bukti tempahan.

4.3 Memastikan **kebersihan diutamakan** di dalam dan di luar kawasan dewan semasa & selepas selesai penggunaan.

4.4 Pengguna adalah bertanggung jawab atas segala kehilangan atau kerosakan hartabenda milik MPHS.

4.5 Pihak MPHS tidak akan membayar gantirugi dan tidak akan bertanggungjawab terhadap keselamatan, kecederaan, kemalangan atau kehilangan yang berlaku semasa penggunaan dewan.

4.6 Pengguna dikehendaki menggunakan gelanggang yang dibenarkan sahaja mengikut tempahan yang dibuat dan hendaklah mengikut masa yang ditempah dan keluar selepas tamat waktu tempahan.

4.7 Penyewa dilarang bermain di gelanggang yang kosong. Jika didapati melanggar peraturan ini, mereka tidak akan dilayan lagi untuk tempahan yang akan datang.

4.8 Pengguna hendaklah berkelakuan baik ketika berada di dewan semasa bermain atau tidak.

4.9 Pengguna **dilarang** meludah, merokok dan membawa makanan dalam dewan dan memastikan minuman tidak tumpah di atas lantai.

4.10 Tiada sebarang keistimewaan kepada mana-mana pihak sedia ada yang telah menggunakan dewan pada bulan sebelumnya untuk mendapat tempahan ke bulan seterusnya.

4.11 Penyewa/pengguna dikehendakki memakai pakaian yang sesuai. Sila gunakan tandas/bilik persalinan untuk menyalin baju.

4.12 Pengguna tidak dibenarkan membuat bising dengan gangguan muzik atau sebarang hiburan dan apa-apa aktiviti yang boleh mendatangkan kacauganggu kepada orang awam.

SYARAT-SYARAT SEWAAN DEWAN

1. WANG PEMATUHAN

- i) Caj perkhidmatan sebanyak RM 10.00 pada wang pematuhan jika pembatalan sewaan dewan.
- ii) Penyewa boleh menuntut bayaran wang pematuhan selepas penggunaan dengan mengemukakan resit asal bayaran cagaran, salinan kad pengenalan, salinan penyata bank atau salinan muka buku bank dan perlu dihantar ke Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta MDHS.
- iii) Wang pematuhan akan dimasukkan ke dalam akaun penyewa dalam masa 3 minggu hari bekerja kecuali di atas sebab yang tidak dapat dielakkan.
- iv) Wang pematuhan tidak akan dipulangkan jika keadaan dewan tidak bersih serta ada sebarang kerosakkan selepas penggunaan.

2. BAYARAN SEWA

- 2.1 Bayaran sewaan dewan tidak akan dipulangkan sekiranya pembatalan tempahan dibuat.
- 2.2 Segala pertanyaan bayaran boleh hubungi di talian 03 -60641331 / ext 144 Jabatan Penilaian Pengurusan & Harta Majlis Perbandaran Hulu Selangor.
- 2.3 Bayaran sewaan dewan hanya boleh dilakukan secara bayaran online sahaja.

3. PENANGGUHAN MAJLIS KERAIAAN/MAJLIS KEMASYARAKATAN.

Pihak MDHS tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penangguhan serta penukaran tarikh oleh penyewa. Diminta memaklumkan dengan kadar segera kepada pihak MPHS ianya tertakluk kepada kekosongan pada tarikh baru.

4. PEMBATALAN TEMPAHAN

- 4.1 Sebarang pembatalan tempahan dewan perlu hubungi di talian 03 -60641331 / ext 144 Jabatan Penilaian Pengurusan & Harta Majlis Perbandaran Hulu Selangor.
- 4.2 Pihak MDHS **BERHAK** membatalkan tempahan sekiranya;
 - i) penyewa tidak mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.
 - ii) terdapat penganjuran acara yang lebih utama anjuran MPHS/pihak kerajaan.
- 4.3 Pihak MPHS, akan memaklumkan sekiranya terdapat pertindihan tarikh seperti 4.3(ii) lebih awal/sertamerta. Tarikh/masa penggunaan yang baru akan diberikan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak dan tertakluk kepada kekosongan dewan.

5. PERATURAN – PERATURAN AM

- 5.1 Penyewa bertanggungjawab mendapatkan permit polis bagi sebarang perhimpunan yang dijalankan.
- 5.2 Penyewa hendaklah menempah dewan serta membuat bayaran secara online dahulu sebelum menggunakan kemudahan dewan MPHS.
- 5.3 Memastikan **kebersihan diutamakan** di dalam dan di luar kawasan dewan semasa & selepas selesai penggunaan.
- 5.4 Penyewa adalah bertanggung jawab atas segala kehilangan atau kerosakan harta benda milik MPHS.
- 5.5 Pihak MPHS tidak akan membayar gantirugi dan tidak akan bertanggungjawab terhadap keselamatan, kecederaan, kemalangan atau kehilangan yang berlaku semasa penggunaan dewan.
- 5.6 Penyewa dewan adalah mengikut kegunaan tempahan sahaja. Tidak dibenarkan menjalankan apa-apa aktiviti selain dari tempahan yang dibuat.
- 5.7 Penyewa **tidak dibenarkan** menjalankan aktiviti memasak di sekitar kawasan dewan.
- 5.8 Penyewa **dilarang** sama sekali membawa makanan non halal /minuman keras di dalam atau di sekitar kawasan dewan.
- 5.9 Penyewa dan orang ramai **tidak dibenarkan** merokok di sekitar dan di dalam dewan.
- 5.10 Penyewa tidak dibenarkan membuat bising dengan gangguan muzik atau sebarang hiburan dan apa-apa aktiviti kawasan sekitar yang boleh mendatangkan kacau ganggu serta kepada orang awam.

Nota Penting : *Jika dewan orang ramai yang ditempah menjadi pusat perpindahan mangsa akibat bencana / darurat. Tempahan yang dibuat akan terbatal serta merta.*

Duit cagaran tempahan dewan akan dipulangkan kepada pengguna atau tempahan dewan boleh dipinda ke tarikh yang baharu tertakluk kepada kekosongan dewan.